

31 OCT 1999

UMNO LANCAR 'OPS BASMI FITNAH' JUMAAT INI

SHAH ALAM, 31 Okt (Bernama) -- Umno akan melancarkan usaha untuk menangkis segala fitnah dan dakyah yang dilemparkan terhadap parti itu dan kerajaan oleh pihak pembangkang Jumaat ini, kata ketua penerangan Umno Datuk Dr Mohamed Yusof Noor hari ini.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan operasi itu yang diberi nama "Ops Basmi Fitnah" untuk menangkis fitnah dan dakyah yang dilemparkan oleh pembangkang, di Pusat Dagangan Dunia Putra.

"Ini merupakan usaha Umno untuk menyediakan anggotanya bagi menangkis sebarang fitnah dan dakyah yang dilemparkan terhadap parti itu dan kerajaan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan "Ops Basmi Fitnah" anjuran Biro Penerangan Umno Selangor, di sini.

Yusof berkata pihak pembangkang telah bertindak melampaui batas dengan menggunakan perkataan lucah untuk memfitnah parti itu dan pemimpinnya.

Katanya Umno tidak akan bertindak sedemikian untuk meracuni pemikiran rakyat terutamanya kanak-kanak tetapi sebaliknya akan menangkis fitnah itu dengan kebenaran.

-- BERNAMA

KM AKD